



4 jawatan tertinggi dipotong elaun

Mengambil kira bebanan rakyat berdepan GST dan selaras dengan keputusan mesyuarat presiden Pakatan Rakyat

LAPORAN LANJUT DI MUKA 2



MOHON RESTU... Alunan selawat kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad SAW yang dipimpin Kiai As-Sheikh Kh Achmad Muzakki Syah pada Majlis Zikir Munajat Untuk Keselamatan Ummah berlangsung sederhana tetapi meriah di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali. Majlis Zikir Munajat yang dihadiri hampir 200 jemaah diakhiri dengan solat hajat

Air percuma 40m³ selepas penstrukturan selesai

OLEH AFIX REDZUAN

KERAJAAN Negeri akan mempertimbangkan untuk meningkatkan pemberian air percuma kepada 40m³ selepas penstrukturan industri air Selangor dimuktamadkan, pada September 2015.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata, perkara itu akan disemak semula sebelum Kerajaan Negeri membuat sebarang keputusan.

"Sukacita saya memaklumkan terdapat cadangan supaya pemberian air percuma diting-

katkan kepada 40m³ daripada 20m³.

"Kita akan lihat perkara ini selepas penstrukturan industri air dimuktamadkan.

"Perkara ini turut akan disemak dan kita perlu lihat memandangkan Cukai Barangan Perkhidmatan (GST) akan di-

laksanakan April tahun hadapan," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Selangor akan terus mengutamakan kepentingan rakyat memandangkan pemberian air percuma 20m³ sedia ada banyak membantu golongan yang kurang berkemampuan.

RM2.8 juta untuk Program Pusat Wanita Berdaya

Prestasi dinilai melalui keaktifan aktiviti meliputi 12 bidang fokus. Jika tiga minggu berturut-turut tiada aktiviti, perkhidmatan penyelarasan akan digantikan baru

BERITA DI MUKA 2

Selangor Cyber Games tawar RM30,000

Penganjuran ini menunjukkan pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap permainan siber sebagai e-sukan dan industri kreatif

BERITA DI MUKA 4

Biasiswa MB diperinci hanya yang layak

Yang penting, bukan soal penjenamaan itu tetapi pengisiannya supaya pelajar dari desa dan berpendapatan rendah diberikan bantuan

BERITA DI MUKA 5

Selesai 51 projek terbengkalai

Kerajaan Selangor berjaya menyelesaikan 51 buah projek perumahan terbengkalai sejak Mac 2008 sehingga 30 November lalu

BERITA DI MUKA 6

Kekal Akta Hasutan, PM takut berubah

Adakah mempertahankan Islam melalui peruntukan zalim dan tiada kebebasan dan moral. Sedangkan Islam agama yang suci murni, yang menjamin kebebasan hak individu sebagai Islam bukan dengan kezaliman

BERITA DI MUKA 7



ADUN setuju potong gaji

ADUN Pakatan Rakyat (PR) dan BN bersetuju dengan tindakan Kerajaan Negeri mengurangkan gaji Menteri Besar, Exco, Speaker dan Timbalan Speaker yang diluluskan sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), baru-baru ini.

Hasbullah Mohd Ridzwan (PAS-Gombak Setia) berkata, beliau secara asas dan prinsipnya menyokong Rang Undang-Undang Elaun dan Persaraan

Anggota Pentadbiran yang dikemukakan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

"Kita kira ia sesuatu yang sesuai dan wajar kerana sebelum ini kenaikan itu mendapat pandangan dan komen negatif.

"Saya kira, tindakan yang dilakukan tepat pada masanya," katanya kepada Selangor Kini.

Bagi Kamarol Zaki Abdul Malik (BN-

Sungai Air Tawar), walaupun beliau berpandangan gaji Adun ketika ini adalah rendah, namun tetap bersetuju dengan pemotongan gaji jawatan tertinggi Kerajaan Negeri.

"Perkara itu sudah dibincangkan sejak persidangan lalu, tetapi bagi saya penurunan berkenaan sesuai dengan keadaan semasa," katanya.

Menyentuh soal pampasan bernilai RM2.8 juta yang diagihkan kepada lapan

bekas kakitangan Perbadanan Menteri Besar (MBI), Hasbullah berharap kes itu disiasat.

"Saya kira ia perlu disiasat dengan saksama dan sewajarnya kerana perkara ini amat mengejutkan pelbagai pihak berkenaan justifikasi dan ganjaran sebesar itu.

"Kita beri ruang siasatan dan jika perlu diambil tindakan, maka perlu dilakukan sewajarnya," katanya.

Tiada perjanjian lantik Timbalan Speaker II

DATO' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali memaklumkan tidak timbul sebarang perjanjian berhubung pelantikan Timbalan Speaker II bagi Dewan Negeri Selangor (DNS) seperti yang dibangkitkan DAP, baru-baru ini.

Sebaliknya, Mohamed Azmin (PKR-Bukit Antarabangsa) berkata, ia hanya satu cadangan yang dikemukakan parti itu dan perlu dibincangkan dalam Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat (PR).

"Perkara ini memang ada dibangkitkan DAP dan saya sudah mengadakan perbincangan dengan Tony Pua.

"Perkara baru seperti ini harus diputuskan Majlis Pimpinan PR dan kita akan bincangkan sebelum sebarang keputusan dibuat," katanya.

Beliau turut memaklumkan jawatan Timbalan Speaker kekal seorang buat masa ini yang disandang Mohd Shafie Ngah (PAS-Bangi) (*gambar*).

"Ya kekal satu Timbalan Speaker, perbincangan belum diadakan jadi kekal satu. Kita belum ada tarikh (perbincangan)," katanya.

Terdahulu, Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua berkata, parti itu akan tetap melobi supaya satu lagi jawatan timbalan speaker diwujudkan apabila ia di-



menangi PAS melalui undi rahsia yang dijalankan di DNS.

Beliau menyatakan hasrat parti itu dalam konvensyen DAP Selangor, pada 30 November lalu.

Katanya permintaan itu adalah adil dan tidak keterlaluan.

MB: Tanah rizab Melayu hingga Okt 2014 seluas 402,755.42 ekar

KERAJAAN Negeri sentiasa berusaha mengenalpasti tanah dengan keluasan yang bersesuaian sebagai ganti ke atas tanah rizab Melayu di Selangor yang dibatalkan statusnya.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata sehingga Oktober 2014, keluasan rizab tanah Melayu di Selangor adalah seluas 402,755.42 ekar, manakala tanah rizab Melayu yang dibatalkan statusnya pula adalah sebanyak 11,077.87 ekar.

Bagaimanapun, katanya Kerajaan Negeri sudah membuat penggantian sebanyak 7,210.73 ekar dan sedang berusaha mengganti tanah yang selebihnya.

"Semua tanah rizab melayu yang dibatalkan di Selangor perlu dibuat penggantian selaras dengan perkara 89 fasal 3 Perlembagaan Persekutuan dan pekeliing PTGS bilangan 2 tahun 1994.

"Dalam tempoh dua bulan sahaja

“ Kerajaan Negeri sudah membuat penggantian sebanyak 7,210.73 ekar dan sedang berusaha mengganti tanah yang selebihnya

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

ketika mesyuarat MTES, saya telah teliti perkara ini supaya usaha ditingkatkan untuk disegerakan penggantian tanah-tanah rizab Melayu yang dibatalkan statusnya bagi tujuan pembangunan.

"Dan sehingga hari ini, kita masih mempunyai kekurangan 3,867.14 ekar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Shahrum Mohd Sharif (BN-Dengkil) berhubung kedudukan rizab tanah Melayu.

Siasat pampasan RM2.8 juta bekas kakitangan MBI

JAWATANKUASA Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) akan bermesyuarat bagi meneliti laporan audit berhubung isu pembayaran gratuiti Perbadanan Menteri Besar (MBI) kepada lapan pembantu mantan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pengerusi SELCAT, Hannah Yeoh berkata, mesyuarat akan dijalankan selepas sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) berakhir.

"Selcat akan bermesyuarat selepas ini dan kita akan meneliti laporan audit (laporan dibuat Perbendaharaan Negeri) ini," katanya.

Hannah memaklumkan laporan Perbendaharaan Negeri itu dibentangkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di da-

lam sidang DNS.

Menurutnya lagi, SELCAT akan meneliti laporan tersebut terlebih dahulu sebelum mengarahkan siasatan lanjut.

"MMKN telah buat siasatan dan bersetuju membentangkannya dan ia kini menjadi dokumen awam," katanya.

Lapan pegawai itu dilaporkan menerima pampasan kerja bernilai RM2.8 juta. Pembayaran itu disifatkan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad sebagai tidak munasabah.

Pembayaran itu didakwa dibuat pada penghujung tempoh perkhidmatan Abdul Khalid sebelum Mohamed Azmin Ali mengambil alih jawatan Menteri Besar berkuat kuasa pada 23 September lalu.



IMBAU... Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat) mengajurkan 'Pameran Nostalgia Permainan Kanak-kanak: Keseronokan Bermain dan Berfikir' sempena cuti persekolahan bermula 4 November hingga 31 Disember ini. Antara tarikan menarik pameran yang diadakan di Muzium Sultan Alam Shah itu adalah kira-kira 1000 koleksi alat permainan antik yang dihasilkan sekitar tahun 1919 hingga 1970-an. Lawati www.padat.gov.my atau hubungi 03-55190050.



Peruntukan hingga RM100 juta: Rangsang pengusaha PKS

PENAMBAHAN peruntukan Skim Mikrokredit Selangor (SkimSEI) dan Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) kepada RM100 juta bakal merangsang kerancakan sektor perniagaan kecil dan sederhana (PKS).

Setiausaha Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) Selangor, Yahya Sahri menyifatkan cadangan itu bernas dan tepat waktunya kerana PKS memerlukan suntikan modal pusingan atau modal kerja yang cepat.

"Peningkatan peruntukan itu perlu kerana kebanyakan PKS dalam sektor makanan, barang keperluan pengguna dan peruncitan yang perlukan pusingan tunai segera.

"Penambahan juga mengelak peniaga kecil dari terjebak dengan 'ah long' ekoran peratusan yang terbabit cukup tinggi," katanya kepada SelangorKini.

Kata Yahya, ia berlaku kerana hampir semua peniaga kecil gagal mendapat pinjaman mana-mana institusi kewangan atau



bank perdagangan.

"Keprihatinan Kerajaan Negeri bagi menambahkan peruntukan untuk membantu peniaga kecil sangat bermakna," katanya.

Belanjawan Selangor 2015 memperkasa pembiayaan SkimSel dan MiMBAR dengan menaikkan siling peruntukan untuk kedua-duanya kepada RM100 juta berbanding RM70 juta sebelum ini.

SkimSel ditingkat kepada RM60 juta manakala MiMBAR RM40 juta.

RM2.8 juta untuk Program Pusat Wanita Berdaya

SEJUMLAH RM2.8 juta diluluskan untuk menjayakan Program Pusat Wanita Berdaya (PWB) bagi 2015, kata Exco Hal Ehwal Wanita, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Pada sidang media di lobi DNS 28 November lalu, beliau berkata, setiap PWB diperuntuk

RM30,000 dan ia disalurkan melalui permohonan kertas kerja.

Katanya, tiga pegawai baharu peringkat negeri akan dilantik bagi menjamin kelancaran program iaitu Pegawai Tadbir (N41), Penolong Pegawai Tadbir (N27) dan Pembantu Tadbir (N17).

"Kita juga akan lantik 56 penyelarar secara 'contract for

service' dengan elaun RM1,500 sebulan dan ditempatkan di Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat (PKM).

"Prestasi dinilai melalui keaktifan aktiviti meliputi 12 bidang fokus. Jika tiga minggu berturut-turut tiada aktiviti, perkhidmatan penyelarar akan digantikan baru," katanya



Kerajaan Negeri Mencadangkan
Sebanyak **RM 100 Juta** Bagi
Belanjawan 2015 Berbanding
RM 70 Juta Sahaja Sebelum Ini



RM 60 Juta

Skim Mikrokredit
Selangor (SkimSel)



RM 40 Juta

Mikrokredit Miskin
Bandar (MiMBAR)

PROGRAM HIJRAH
(PROGRAM BERSEPADU)
RM 100 JUTA

RM1.86 bilion kutipan hasil negeri hingga September

KERAJAAN Selangor berjaya memperoleh kutipan hasil negeri berjumlah RM1.86 bilion sehingga 30 September lalu.

Hasil kutipan itu meliputi perihal hasil cukai (RM 505.73 juta), hasil bukan cukai (RM1.124 bilion) dan terimaan bukan hasil (RM227.72 juta).

Dato' Menteri Besar Se-

langor, Mohamed Azmin Ali berkata, jumlah kutipan hasil negeri menunjukkan pola peningkatan dari tahun 2011 hingga 2013.

"Jumlah hasil pada tahun 2011 berjumlah RM1.634 bilion sementara untuk tahun 2012 meningkat kepada RM1.954 bilion.

SKIMSEL sasar 12,000 peserta, MimBAR 8,000

KERAJAAN Selangor mensasar peningkatan sehingga 12,000 peserta setahun dengan Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) 8,000 peserta.

Sejak 2011, Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata SkimSel disertai 10,427 peserta manakala MiMBAR 5,038 peserta.

"Ia menunjukkan SkimSel dan MiMBAR mendapat kepercayaan golongan miskin seterusnya mendapat manfaat bagi mengubah kehidupan mereka.

"Lebih RM25 juta disalurkan kepada peserta manakala MiMBAR memberi pembiayaan RM10 juta," katanya pada sidang DNS 27 November lalu.

Daroyah (PKR-Sementa) ber-

kata, peratusan bayaran balik bagi MiMBAR meningkat sehingga 99 peratus menjelang Oktober 2014.

SkimSel dan MiMBAR bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk bantuan latihan, bengkel, mempromosi produk, peluang menyertai karnival, peningkatan kualiti produk dan pembungkusan.

Peneroka asal boleh mohon TOL

PENEROKA asal yang sudah mendiami tanah negeri lebih daripada tempoh ditetapkan boleh memohon kepada Kerajaan Negeri bagi mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan permintaan itu, namun peneroka perlu bayar premium pada kadar yang ditetapkan.

Bagaimanapun, TOL tidak akan diberikan ke atas tanah rizab sungai mahupun parit.

"Kerajaan Negeri boleh per-

timbang kerana ada rakyat yang sudah teroka tanah lebih daripada tempoh ditetapkan.

"Mereka boleh mohon untuk dapat hak milik tanah, tetapi perlu bayar premium, (kalau boleh bayar) kita berikan.

"Tapi kalau tanah rizab sungai atau parit (hak milik) tak boleh diberikan, Kerajaan Negeri hanya boleh pertimbangkan kalau ia tanah negeri," katanya.

Azmin (PKR-Bukit Antarabangsa) berkata tiada klausa yang membenarkan mana-mana kediaman dibina di atas tanah TOL

memandangkan ia pendudukan sementara dan bagi mengelakkan berlakunya masalah pembungkusan di atas tanah berkenaan.

"Masalah yang kita hadapi adalah bila peneroka ini diberikan TOL, dalam tempoh beberapa bulan mereka dijanjikan untuk mendapat hak milik khususnya semasa Pilihan Raya Umum (PRU).

"Kita tidak mahu rakyat dipermainkan dan andaian bahawa mereka akan dapat hak milik beri masalah kepada kerajaan negeri," katanya lagi.

BANDAR raya Shah Alam dan Petaling Jaya (PJ) bakal menjadi Kota Seni yang meningkatkan penglibatan sektor ekonomi kreatif tempatan dalam ekonomi kreatif global yang sedang pesat.

Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari (**Gambar**), berkata filem, teater, penerbitan, industri musik, pembuatan apps perlu dimaju dan diintegrasikan secara global.

Pada sesi penggulungan 29 November lalu, beliau berkata, Selangor perlu bergabung tenaga dengan pemain serantau untuk memperkukuh modal insan dan kepakaran dalam sektor itu.

"Menjadikan Shah Alam dan PJ sebagai Kota Seni penting dalam melahirkan masyarakat yang hidup dengan interaksi sihat melalui aktiviti seni, kebu-

dayaan dan intelektual.

"Ia menghapus prasangka dan mengerat hubungan sesama rakyat," katanya sambil menyatakan, kekeliruan budaya semata-mata estetika atau cita rasa keindahan perlu diperbetul.

"Kita perlu melihat budaya dari sudut ekonomi dan industri. Ekonomi kreatif dilihat semakin penting memandangkan saiz begitu besar," katanya.

Pada 2011, ekonomi kreatif yang dikenali ekonomi jingga berjumlah USD4.3 trilion, 20 peratus lebih besar dari ekonomi Jerman dan dua setengah kali ganda dari keseluruhan perbelanjaan ketenteraan seluruh dunia.

Mengikut United Nations



Conference on Trade and Development (UNCTAD), antara 2002 hingga 2011, eksport barangan dan perkhidmatan kreatif meningkat 134 peratus.

"Kita berusaha menjadikan Shah Alam sebagai hab seni lukis

Eksport barangan dan perkhidmatan kreatif meningkat **134 peratus**

- Ekonomi kreatif dunia berjumlah **USD 4.3 trilion**
- 20 peratus lebih besar dari ekonomi **Jerman**

serantau dengan seniman membuka studio dan berkarya di sini.

"Kita boleh jadikan Shah Alam sebagai pusat 'art auction' serantau dengan peminat lukisan, kurator dan peleton lukisan datang ke sini," katanya.

Terdahulu, Amiruddin berkata, sekretariat khas diwujudkan bagi menjamin kelancaran program Kota Seni dengan dianggotai individu berkelayakan.

"Kita pastikan fasiliti seperti Teater Shah Alam ada penggerak di kalangan aktivis teater dan memahami pergerakan seni.

"Ada agensi dalam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang memerhati pergerakan aktiviti tetapi hanya tiga orang, jumlahnya sangat kecil," katanya.

Beliau berkata, pemilihan Shah Alam dan Petaling Jaya dipilih berasaskan beberapa faktor, antaranya ada institusi sokongan seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan UNISEL.

Himpunkan karyawan dan seniman

SELANGOR adalah negeri yang menghimpunkan karyawan dan seniman paling ramai berbanding negeri-negeri lain.

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin, berkata Kerajaan Selangor perlu memanfaatkan sepenuhnya potensi golongan itu di Selangor.

Katanya, beliau menyokong

cadangan kerajaan negeri yang bercadang menjadikan negeri itu, khususnya kota-kota seperti Shah Alam dan Petaling Jaya sebagai 'Kota Seni'.

"Seniman adalah aset besar yang perlu dimaksimumkan, kesenian akan meningkatkan kualiti warga bandar yang mahu mewujudkan kota seni," kata Bee Yin.

Katanya, Kerajaan negeri perlu menjelaskan lebih lanjut pelaksanaan kota seni kelak.

"Adakah akan membina dewan lebih banyak dengan bayaran sewa rendah, adakah kerajaan menyediakan lebih banyak studio?," tanya Bee Yin Ringkasnya, Selangor ibarat 'rumah besar' bagi para seniman negara.

Selangor Cyber Games tawar RM30,000



PENGGEMAR permainan siber diajak menyertai Selangor Cyber Games bagi merebut wang tunai RM30,000, kata Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari.

Katanya, penganjuran itu menunjukkan pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap per-

mainan siber sebagai e-sukan dan industri kreatif.

"Ia ada peminat tersendiri. Bahkan ada pasukan e-sukan terhandal di rantau ini yang harumkan nama negara. Kita mahu galakkan lagi," katanya di lobi DNS 29 November lalu.

Acara anjuran Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor pertama

kali itu diadakan di The Strand, Kota Damansara 13 dan 14 Disember ini.

Ia dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Mineski Event Team, Sinar Harian dan Majalah PC serta Penyelaras Kota Damansara. Maklumat lanjut, layari www.e-sukan.com/scg.

KOTA SENI

Rumah Besar Para Seniman

Kerajaan Negeri berazam menjadikan Negeri Selangor khususnya Shah Alam & Petaling Jaya sebagai 'Kota Seni'



Sekretariat khas jamin kelancaran aktiviti

SEKRETARIAT khas diwujudkan bagi menjamin kelancaran aktiviti di bawah program Kota Seni.

Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari (PKR- Batu Caves) berkata, badan itu dianggotai individu berkelayakan dan berkeupayaan dalam bidang seni dan budaya.

"Kita pastikan fasiliti seperti Teater Shah Alam ada penggerak di kalangan aktivis teater dan mereka memahami tentang pergerakan seni.

"Hasil kajian awal memang ada satu agensi bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang memerhatikan pergera-

kan aktiviti ini namun jumlah tiga orang dan ini sangat kecil.

"Untuk jayakan kita perlukan sekretariat yang ampuh di peringkat Kerajaan Negeri," katanya dalam sesi penggulungan.

Mengulas lanjut penubuhan Kota Seni, Amirudin memberitahu pemilihan Shah Alam dan Petaling Jaya dipilih berasaskan beberapa faktor.

"Antaranya terdapat institusi sokongan seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Selangor (Unisel).

"Selain itu ada juga individu dan watak sokongan kumpulan tertentu yang memang aktif untuk capai hasrat Kerajaan Negeri," katanya lagi.



Biasiswa MB diperinci, hanya yang layak dapat manfaat

PROGRAM Biasiswa Menteri Besar yang dijanjikan dalam manifesto Pa-katan Rakyat (PR) sudah diperincikan dan dijelaskan dari segi kaedah pelaksanaan bagi memastikan mereka yang layak dapat menerima manfaatnya.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata, perkara yang menjadi tumpuan ada-

lah memberi bantuan kepada pelajar dari desa dan berpendapatan rendah yang membolehkan mereka menerima biasiswa berkenaan.

"Saya sudah jawab, apabila kita dapat maklum balas seperti ini. Kini, program biasiswa ini lebih jelas dari segi kaedah dan penerima.

"Yang penting, bukan soal

penjenamaan itu tetapi pengisiannya supaya pelajar dari desa dan berpendapatan rendah diberikan bantuan," katanya kepada di lobi sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), di sini.

Mohamed Azmin (PKR-Bukit Antarabangsa) berkata, Kerajaan Negeri secara khusus menyalurkan bantuan itu kepada Universiti Selangor (UNISEL),

Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan program khusus untuk pelajar pengajian Doktor Falsafah (PhD).

"Kaedah dan program lebih jelas dan peruntukan sudah diluluskan," katanya.

Mohamed Azmin sebelum ini memaklumkan Kerajaan Negeri belum mempunyai mekanisme dan tatacara yang jelas

untuk melaksanakan program Biasiswa Menteri Besar yang dijanjikan dalam Manifesto PR.

Terdahulu, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri mengambil pendirian untuk meneruskan Tabung Kumpulan Biasiswa Negeri Selangor bernilai RM16 juta dan Program Hadiah Anak Masuk Universiti (RM8 juta).

Bangunan Yayasan Selangor untuk sewaan

KERAJAAN Selangor belum ada keputusan muktamad berhubung bangunan premis Yayasan Selangor di Bukit Bintang yang ditutup selepas proses naik taraf.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata bangunan itu akan dibuka kepada peniaga untuk sewaan jangka pendek hingga pembangunan semula selesai.

"Keutamaan akan diberi kepada peniaga asal," katanya pada sidang DNS 27 November lalu.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri menunggu tawaran harga terbaik bagi penyewaan

bangunan berkenaan melalui proses tender terbuka dalam memastikan pulangan yang diterima, tinggi.

Kata beliau, Yayasan Selangor tidak memberi pinjaman pendidikan sejak 2013 kerana fokus memberi biasiswa pada peringkat sekolah rendah dan menengah.

Selaras keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ketika itu, katanya, kemudahan pinjaman diambil alih Kerajaan Negeri melalui Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor.

"Peruntukan pinjaman tabung itu hanya RM8 juta. Selepas diambil alih, ia dikembang menjadi RM16 juta setiap tahun," katanya.



TAHNIAH...

Muhammad Azizul Abd Aziz dan Muhammad Syukri Mamat yang muncul johan dan naib johan Pertandingan Minggu Pembinaan Antarabangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra baru-baru ini, menerima cek masing-masing RM1,500 dan RM1,000. Ia disampaikan Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad kepada mahasiswa Fakulti Kejuruteraan UNISEL dari kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam. Turut hadir, Presiden & Naib Canselor UNISEL, Prof Dr Haji Anuar Ahmad

Peruntukan pengurusan kekal

KERAJAAN Selangor tidak berhasrat untuk menaikkan peruntukan pengurusan pejabat Adun daripada RM10,000 kepada RM30,000 setahun.

Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali berkata, keputusan mesyuarat Exco bertarikh 4 September 2013 meluluskan bayaran RM10,000 sebulan yang dibayar terus melalui Dewan Negeri Selangor (DNS) bagi penyalaraan bayaran gaji dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada tiga pembantu tadbir termasuk bayaran utiliti.

Selain itu, katanya, peruntukan RM20,000 untuk pengubahsuaian pejabat diberikan lima tahun sekali dengan

peruntukan Adun.

"Melalui peruntukan Adun, siling bagi perbelanjaan pengurusan mereka adalah RM10,000 setahun se-perti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 tahun 2013 Garis Panduan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan Ahli Dewan Negeri.

"Peruntukan itu boleh diguna untuk sewa ruang pejabat, penyewaan mesin fotostat, pengubahsuaian pejabat, pembelian mesin cetak dan lain-lain.

"Kerajaan Negeri tidak bercadang menaikkan peruntukan seperti yang dicadangkan," katanya bagi menjawab soalan Noor Hanim Ismail (PAS-Sri Serdang).

SELANGOR

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafiihz Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyat@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu_tv@yahoo.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com



RM376.9 juta tangani kesan GST

PERUNTUKAN RM376.9 juta dalam pelbagai program sedia ada dan baharu dirangka bagi mendepani beban cukai barangan dan perkhidmatan (GST) demi kebajikan rakyat.

Exco Pelaburan, Perindustrian (IKS) dan Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata perbelanjaan itu antara lain disalurkan melalui pendidikan, sosio-ekonomi dan keusahawanan.

Katanya, Kerajaan Negeri sedia meneruskan beberapa program yang memberi impak kepada rakyat selain mengadakan program baharu.

"Antaranya Tabung Biasiswa Selangorku RM10 juta setahun, Bantuan Sara Diri Anak Selangor (RM12 juta), biasiswa Sagong Tasi untuk anak-anak Orang Asal dan sektor pengangkutan bagi perkhidmatan awam percuma (RM3 juta)," katanya.

Menjawab pertanyaan lisan Haniza Mohamed Talha (PKR-Taman Medan) 28 November lalu, kata beliau, Kerajaan Negeri mengamalkan penjimatan dalam perbelanjaan operasi terutama berkaitan perkhidmatan dan bekalan.

"Kita meneruskan dasar perolehan menekan kepada 'value for money' yang beri impak kepada penjimatan tanpa menjejaskan kualiti pembangunan," katanya

“

Perbelanjaan itu antara lain disalurkan melalui pendidikan, sosio-ekonomi dan keusahawanan

TENG CHANG KHIM
Exco Pelaburan, Perindustrian (IKS) dan Perdagangan dan Pengangkutan



10 tapak pelupusan sampah haram dirampas

SEPULUH rampasan tanah dibuat dengan 22 notis pemuliharaan tanah dikeluarkan Pejabat Tanah Selangor bagi mengatasi isu pelupusan tapak sampah haram sejak 2008.

Exco Kerajaan Tempatan, Ean Yong Hian Wah, berkata kebanyakan tapak itu terletak tanah milik kerajaan seperti di ban parit Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau tepi jalan.

Jika sampah haram dibuang di tanah



“

Jika sampah haram dibuang di tanah persendirian, Pejabat Tanah mengeluarkan Notis Pemuliharaan Tanah melalui Notis 7A Seksyen 128 Kanun Tanah Negara (KTN) kepada pemilik tanah untuk memulihkannya sebelum notis rampasan tanah dikeluarkan

EAN YONG HIAN WAH
Exco Kerajaan Tempatan

persendirian, katanya Pejabat Tanah mengeluarkan Notis Pemuliharaan Tanah melalui Notis 7A Seksyen 128 Kanun Tanah Negara (KTN) kepada pemilik tanah untuk memulihkannya sebelum notis rampasan tanah dikeluarkan.

"Jika tiada tindakan, rampasan atau pelucutan tanah dibuat mengikut Seksyen 130 KTN," katanya 27 November lalu.

Beliau menjawab pertanyaan mulut Khasim Abdul Aziz (PAS-Lembah Jaya) berhubung pelan jangka panjang mengatasi isu sampah haram di Selangor.

Menjawab pertanyaan anggaran kos PBT menguruskan sampah pukal dan haram pada 2014, Ean (DAP-Seri Kembangan) berkata jumlah RM4.87 juta.

Bagaimanapun, katanya Kerajaan Selangor bercadang mewujudkan pelan tindakan jangka panjang bagi tempoh tiga hingga 20 tahun bagi pengurusan sisa pepejal.

Katanya, antaranya menjalankan kajian melalui syarikat PE Research Sdn Bhd bagi menyediakan Pelan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Negeri Selangor.

Selain itu, katanya Enakmen Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam negeri Selangor turut digubal.

"Kerajaan Negeri turut melaksanakan pembersihan awam secara in-house pihak berkuasa tempatan (PBT) secara berperingkat mulai 2015.

"Kita juga menyediakan SOP (standard of procedur) penyediaan dokumen tender dan proses pelantikan kontraktor kutipan sampah," katanya.

Operasi judi haram 2 kali seminggu

PIHAK berkuasa tempatan (PBT) menjalankan operasi sekurang-kurangnya dua kali seminggu untuk memerangi sindiket judi haram.

Exco Kerajaan Tempatan, Ean Yong Hian Wah berkata pementauan berterusan dilakukan penguatkuasa bagi mengelak ia berulang manakala barangan premis yang menjalankan sindiket itu, disita.

“

Premis perniagaan yang melanggar syarat atau melakukan kegiatan judi di sebalik perniagaan, PBT akan menarik balik lesen dan batalkan lesen

"Premis perniagaan yang melanggar syarat atau melakukan kegiatan judi di sebalik perniagaan, PBT akan menarik balik lesen dan batalkan lesen," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan lisan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail (PKR-Kajang) 28 November lalu berhubung usaha mencegah sindiket judi haram.

Ean Yong (DAP-Seri Kembangan), beliau berkata Kerajaan Negeri tiada cadangan mewujudkan sistem 'crime alert' di PBT.

"Bagaimanapun, jika kaedah itu mampu mengurangkan jenayah, kita sedia mengkaji kesesuaian sistem itu," katanya.

Tiada peruntukan khas urus sampah

KERAJAAN Negeri tiada cadangan memberi peruntukan khas bagi kerja pengurusan sampah di kampung, kata Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah.

Sebaliknya, ketua-ketua

kampung boleh gunakan peruntukan tahunan sejumlah RM10 ribu dari Kerajaan Negeri untuk mengadakan program kebersihan seperti gotong-royong.

"Ini kerana, kerja penyelenggaraan kawasan seperti di

kampung, distrukturkan seperti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melantik kontraktor bagi kerja kutipan sampah domestik melalui tender terbuka.

"Selain itu, terdapat juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menyediakan tong

sampah di lokasi strategik dalam kampung, berhampiran jalan PBT supaya memudahkan lori sampah mengangkut sampah," katanya sebagai menjawab pertanyaan lisan daripada Razaly Hassan (PAS - Dusun Tua) di sidang DNS, hari ini.



Penyelesaian pulihkan projek terbengkalai Sungai Yu

PERBADANAN Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) ditugaskan memuktamad kajian pemulihan keseluruhan projek terbengkalai pembesaran Kampung Taman Desa Mawar di Sungai Yu, Permatang.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Iskandar Abdul Samad (**gambar**), berkata hasil kajian dijangka dibentangkan ke peringkat Lembaga Pengarah PKNS pada Februari ini.

Katanya, perkara itu juga akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan cadangan dan penyelesaian projek berkenaan.

"Kontraktor, Lian Feng Construction Sdn Bhd menyiapkan fasa 1 dan 2 tetapi gagal menyiapkan fasa 3 hingga terbengkalai akibat masalah kewangan. Sebahagian pembeli terpaksa menyiapkan sendiri unit mereka.



"Bagaimanapun, kemudahan infrastruktur belum sempurna termasuk sistem kumbahan, sistem bekalan air dan sebagainya," katanya dalam sesi penggulangan 27 November lalu.

Beliau menjawab pertanyaan Sulaiman Abdul Razak (Umno-Permatang) yang membangkitkan isu projek terbengkalai di Mukim Hujung Permatang.

Iskandar berkata, Skim Program Khas Perumahan Kos Rendah disediakan bagi menyelesaikan projek terbengkalai di Taman Sungai Yu Indah di Permatang.

Kata beliau, perbincangan Mesyuarat Jawatankuasa Projek Perumahan Terbengkalai (JPPT) September lalu bersetuju meminda sebahagian komponen pembangunan projek berkenaan.

Katanya, sebahagian Rumah Kos Rendah digantikan kepada Rumah Kos Sederhana sebanyak 120 unit dan Rumah Teres Mampu Milik (272 unit) manakala baki 107 pembeli kekal sebagai Rumah Kos Rendah.

"Ini bertujuan menjadikan projek itu berpotensi dipulihkan dan menyelesaikan masalah dari terus terbengkalai," katanya

Bantu pembeli pangsapuri kos rendah

PERBINCANGAN lanjut akan diadakan bagi mewujudkan tabung khas dalam usaha membantu pembeli pangsapuri kos rendah melunaskan tunggakan ansuran pinjaman bank.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Iskandar Abdul Samad berkata, usaha itu bukan dilaksanakan dalam bentuk kewangan, sebaliknya Kerajaan Negeri akan mengambil alih

rumah itu sehingga pembeli mampu membayar ansuran bank.

"Inisiatif itu bertujuan supaya mereka dapat bayar pinjaman tetapi mungkin Kerajaan Negeri akan ambil alih rumah berkenaan.

"Kita akan sewa kepada pembeli yang terlibat. Jika mereka mampu beli dan bayar, kita akan pulangkan kepada mereka untuk membeli menggunakan pinjaman bank," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan mulut daripada Dr Halimah Ali (PAS-Selat Klang) ketika sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif melancarkan kursus pengurusan bangunan berstrata bertujuan mendidik dan memberi latihan kepada ahli jawatankuasa JMB serta Ahli Majlis, bermula 2 Mac lalu.

Gagal kemuka pelan, MPKj tak keluar CF

KEGAGALAN pemaju untuk mengemukakan pelan bangunan menyebabkan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) tidak dapat mengeluarkan Sijil Layak Menduduki (CF) kepada penduduk di Taman Shahjaya, Kajang.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Iskandar Abdul Samad berkata, Taman Shahjaya mendapat Kebenaran Merancang (KM)

pada awal 1980-an, namun pemaju tiada inisiatif mengemukakan pelan bangunan sehingga kini.

"Penduduk sudah lama menduduki rumah teres setingkat itu sejak akhir 1980-an membabitkan 91 unit rumah dan cukai pintu yang mula dikutip sejak tahun 2002.

"Saya cadangkan supaya kes begini dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pe-

rancang Negeri atau SPC akan datang bagi menyelesaikan isu yang masih tertunggak di seluruh Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR-Kajang) berhubung status Taman Shahjaya yang tidak mendapat CF pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Selesai 51 projek terbengkalai

KERAJAAN Selangor berjaya menyelesaikan 51 buah projek perumahan terbengkalai sejak Mac 2008 sehingga 30 November lalu.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad berkata, 51 projek itu melibatkan 26,286 unit rumah daripada 28 projek berlesen dan 23 projek tidak berlesen.

Menjawab soalan yang

dikemukakan Lee Kee Hiong (DAP-Kuala Kubu Baharu), Iskandar menjelaskan, tujuh kali mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) diadakan pada tahun ini dengan 22 projek terbengkalai berada di bawah kajian pemulihan direkodkan.

22 projek yang direkodkan melibatkan kawasan Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak, Hulu Langat dan Pusat Bandar Kundang.



Gambar Sumber Internet

PENDAPAT ORANG RAMAI

Tindakan bijak Kerajaan Negeri menyelesaikan 51 projek rumah terbengkalai di Selangor dipuji. Bagaimanapun mereka berharap konsep rumah mampu milik Selangorku yang diperkenalkan Kerajaan Negeri tidak tertumpu di kawasan pinggir atau luar bandar sahaja.

Saya berharap Kerajaan Negeri akan menggariskan syarat lebih ketat dalam projek pembinaan rumah selain menyenarai hitam pemaju yang mempunyai rekod buruk. Selain itu, Kerajaan Negeri juga boleh ambil inisiatif membina rumah transit seperti dilakukan Kerajaan Singapura.

"Dengan itu, bukan sahaja beri kelebihan kepada penyewa, tetapi mampu beri keuntungan dan pulangan kepada Kerajaan Negeri



Norlela Idris



Kerajaan Negeri harus tumpukan usaha membina rumah di kawasan bandar utama negeri itu seperti Shah Alam dan Subang Jaya. Tanah di bawah Kerajaan Negeri, bagi saya tiada masalah untuk dilaksanakan konsep sebegini.

"Persoalannya sama ada mahu tolong rakyat atau hanya buat keuntungan hartanah," katanya.

Tahir Saleng



Akta Hasutan, BN keluar Dewan

SEMUA Adun BN keluar dari sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) baru-baru ini ketika meluluskan usul tergepar menggesa Kerajaan Pusat memansuhkan Akta Hasutan 1948.

Usul yang dibawa Lau Weng San (DAP-Kampung Tunku) itu disokong Saari Sungip (PAS-Hulu Kelang), Tiew Way Kang (DAP-Teratai) dan Ng Suee Lim (DAP-Sekinchan).

"Pendirian PM yang membelakangkan janjinya menunjukkan sikap hipokrit atau dalam bahasa Arab, 'munafik'.

"Respon parti komponen BN yang lain berkenaan pendirian terbaru Perdana Menteri itu sangat menarik, yang mana pemimpin MCA dan MIC berkata keputusan akta terpenting itu tidak pernah dibincangkan dalam kabinet," katanya.

Weng San berkata demikian sebagai merujuk keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Presiden Umno untuk tidak memansuhkan akta hasutan ketika perhimpunan agung parti itu, baru-baru ini.

Belanjawan PBT dikaji semula

KERAJAAN Negeri akan mengkaji dan melihat belanjawan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor kerana ia perlu diselaraskan dengan kesesuaian dan keperluan setiap agensi berkenaan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah berkata, ia langkah penting kerana projek berkepentingan awam perlu dirancang setiap PBT melalui peruntukan disediakan.

"Pembangunan seperti yang lain dimasukkan ke dalam anggaran belanjawan setiap PBT. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang melihat semula jumlah rizab PBT.

"Ia perlu bersesuaian dengan keperluan dan fungsi PBT bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat," katanya ketika menjawab pertanyaan Ng Tien Chee (DAP-Balakang).

Hian Wah (DAP-Seri Kembangan) berkata, jumlah rizab kewangan semua PBT di Selangor selepas mengambil kira liabiliti semasa berdasarkan Penyata Kewangan 2013 dan diaudit adalah RM627.53 juta.

Kekal Akta Hasutan, PM takut buat perubahan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak sekali lagi menjelmakan watak sebenar beliau dalam isu pemansuhan Akta Hasutan 1948.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang juga Timbalan Presiden PKR menyifatkan janji Najib sebelum ini tidak ikhlas dan sekadar mahu meraih undi.

Katanya, sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lepas, Najib sendiri beberapa kali berjanji mahu memansuhkan akta yang tidak adil itu.

"Maknanya dia tidak tunaikan janji yang dinyatakan sendiri, ternyata dia berjanji untuk meraih sokongan.

"Dia buktikan dirinya tidak ada keberanian untuk lakukan transformasi dalam bidang yang dinyatakan," katanya kepada pemberita di Lobi Dewan Negeri Selangor (DNS).

Beliau diminta mengulas kenyataan Najib yang juga Presiden Umno dalam Perhimpunan Agung parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Najib dalam ucapannya berkata, keputusan untuk mengekalkan akta itu adalah penting bagi menjamin kedaulatan bangsa Melayu dan agama Islam.

"Adakah mempertahankan Islam melalui peruntukan zalim dan tiada kebebasan dan moral.

"Sedangkan Islam agama yang suci murni, yang menjamin kebebasan hak individu sebagai insan dan bukan dengan kezaliman," kata Mohamed Azmin.

“

Dia buktikan dirinya tidak ada keberanian untuk lakukan transformasi dalam bidang yang dinyatakan

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Kekal Akta Hasutan bukti Najib tiada pendirian

DATUK Seri Najib Razak pemimpin tiada pendirian tetap dan sering mungkin janji apabila mengekal Akta Hasutan yang sebelum ini mahu dimansuh.

Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafiei berkata ia memperlihatkan Perdana Menteri itu tiada kekuatan untuk menerajui negara.

"Bagaimana rakyat boleh mengharapkan Najib yang mungkir janji untuk mansuhkan Akta Hasutan hanya disebabkan tekanan segelintir pihak berkepentingan?"

"Inilah gambaran beta-



Shuhaimi Shafiei

pa Najib seorang Perdana Menteri yang lemah," katanya kepada SelangorKini.

Beliau yang pernah didakwa mengikut akta itu, berkata ia memberi gam-

baran bahawa Najib bukan pemimpin yang layak memimpin negara.

"Saya menuntut Najib letak jawatan kerana tidak memiliki kredibiliti," katanya.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim turut terkejut dengan pengumuman itu dan mempersoal pendirian Najib yang sebelum konon mahu memansuhkannya.

"Dalam Parlimen, Najib berjanji akta itu akan dimansuh tetapi sekarang mahu mengekalkannya. Di mana janjinya terhadap rakyat?"

"Dari segi prinsip dan moral, ia tidak bermaruah," katanya yang menyifatkan aktainggalan zaman British itu tidak relevan pada masa ini.

Adun Hulu Kelang, Saari Sungip, berkata pendekatan itu boleh dianggap sebagai menghalang kewujudan masyarakat majmuk di negara ini.

"Akta itu boleh disalahkan, boleh menghalang hak asasi manusia," katanya yang kesal kerana ia diperalat bagi menafi hak berhimpun, bersuara dan perkara lain.

Kerajaan Negeri bantu RM2 juta kepada FAS

KERAJAAN Negeri memperuntukkan RM2 juta kepada Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) ekoran kegagalan pihak pengurusan mengendalikan kelulusan kontrak pemain mengikut prosedur.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, Kerajaan Negeri terpaksa membayar dan membantu menanggung kos pemain bagi memastikan prestasi mereka kekal cemerlang sebagai kerajaan bertanggungjawab.

“

Berhubung peruntukan dana FAS, kita bersedia untuk menambah dan menolak atas keperluan serta kehendak semasa

AMIRUDIN SHARI
Exco Sukan

"Berhubung peruntukan dana FAS, kita bersedia untuk menambah dan meno-



diberikan kita peruntukan RM7.5 juta, namun Kerajaan Negeri dengan sifat keprihatinan memperuntukkan RM2 juta untuk membayar tunggakan gaji kepada FAS," katanya pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Pada masa sama, Amirudin (PKR-Batu Caves) berkata, segala proses rombakan untuk FAS boleh dilaksanakan oleh ahli gabungan persatuan itu melalui mesyuarat agung biasa atau luar biasa.

lak atas keperluan serta kehendak semasa.

"Untuk tahun ini sahaja, daripada belanjawan yang



Rumah Selangorku syarat utama KM MB terima Resolusi Sayang OKU

KERAJAAN Negeri menegaskan pemaju perlu membina Rumah Selangorku dalam projek pembangunan dirancang jika ingin mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Iskandar Abdul Samad berkata, ia adalah antara syarat ditetapkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) ke atas pemaju bagi memastikan pembinaan Rumah Selangorku khususnya jenis A iaitu rumah kos rendah berjalan lancar.

Katanya, Rumah Selangorku perlu dibina terlebih dahulu atau sekali dengan pembangunan jenis lain dan PBT tidak dibenarkan meluluskan KM bagi fasa lain juga kos bebas selagi sebahagian daripadanya tidak dibina.

"Pembinaannya diletakkan dalam fasa awal pembangunan dan senarai pembeli diperolehi daripada LPHS melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR).

"Mereka perlu memasukkan syarat nyata tanah sebagai 'Rumah Selangorku' di dalam surat hak milik tanah. Pemaju juga disyaratkan membina rumah jenis

itu dalam tempoh dua tahun dari tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan KM oleh PBT," katanya.

Iskandar berkata, kegagalan pemaju memulakan kerja pembinaan dalam tempoh dua tahun daripada kelulusan akan menyebabkan ia ditarik kembali.

Katanya, Kerajaan Negeri akan mengarahkan PBT untuk mengeluarkan arahan 'Stop Work Order' kepada pembangunan fasa lain atau kos bebas jika pemaju gagal menyiapkan pembinaan rumah kos rendah.

"Kerajaan Negeri mengambil tindakan ke atas pemaju yang gagal menyiapkan projek dalam jangka masa ditetapkan dengan mendapatkan nama Ahli Lembaga Pengarah daripada Suruhajaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenarai hitam dan turut dipaparkan dalam laman sesawang LPHS.

"Nama pemaju disenarai hitam tidak akan dibenar melaksanakan sebarang pembangunan di Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik saham sahaja di bawah syarikat pemaju lain," katanya.

Kejohanan Snooker & Pool Generasi Muda Tertutup

SHAH ALAM - Kejohanan Snooker dan Pool Generasi Muda Tertutup Selangor 2014 akan dilangsungkan di Golden Break Snooker and Pool Club, USJ1 Subang Jaya, pada 20 dan 21 Disember ini.

Ia anjuran bersama Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan dengan Bahagian Pembangunan Belia, Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang (MPK) serta Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, kejohanan terbabit menawarkan hadiah terkumpul RM20,000 dengan yuran penyer-

taan RM30 seorang.

"Kejohanan ini dianjurkan sebagai inisiatif untuk mengangakat dan mengembangkan permainan ini ke arah yang positif, sesuai dengan tema iaitu Ke Arah Persepsi Yang Sihat," katanya.

Amirudin berkata, kejohanan itu dibuka kepada semua generasi muda berusia 16 hingga 35 tahun di Selangor yang mempunyai bakat dan minat dalam dua permainan itu.

Pihaknya mensasarkan 50 peserta untuk menyertai permaian snooker, manakala 250 untuk pool.

"Kerajaan Negeri berharap penganjan program ini akan jadi landasan yang sihat kepada generasi muda di Selangor untuk memahami dua permainan ini," katanya.

SHAH ALAM - Sekretariat Prihatin Orang Kurang Upaya (OKU) Selangor menyerahkan Resolusi Sayang OKU yang menganungi 10 perkara kepada Kerajaan Negeri bagi menuntut supaya golongan itu diberi perhatian dalam pelaksanaan kepimpinan negeri.

Resolusi itu diserahkan Pengerusinya, Mohammad Faizal Che Yusof kepada Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali di lobi sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Antara resolusi itu adalah meminta Kerajaan Negeri membentuk pasukan yang terdiri daripada wakil OKU pelbagai kategori, badan bukan kerajaan (NGO) kebajikan, ibu bapa OKU dan golongan pemikir untuk mengadakan interaksi secara berterusan bagi membincangkan isu berkenaan golongan terbabit.

Selain itu, mereka turut menuntut supaya Agensi Pengupayaan OKU diwujudkan sebagai badan pemantau kepada

setiap perancangan dan pelaksanaan dasar kerajaan supaya bersifat mesra OKU.

"OKU bukan kelompok masyarakat yang hanya diberi simpati dan bantuan kebajikan sahaja, tetapi mereka mempunyai hak sebagai warganegara Malaysia seperti masyarakat sivil lain.

"Mendidik masyarakat dengan memberi kesedaran berkenaan keperluan dan potensi OKU ke arah masyarakat yang inklusif," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG MENARA MPKj, JALAN CEMPAKA PUTIH, OFF JALAN SEMENYIH, 43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN

KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kelas dan jenis pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

NO. TENDER	TAJUK PROJEK	GREED	KATEGORI/ PENGKUSUSAN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN
MPKj T 35/2014	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Dewan Serbaguna Bandar Teknologi Kajang, Di Atas Lot 8343, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	CIDB G4	B 04 & CE 21	BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, MPKJ	RM 300.00
MPKj T 36/2014	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Dewan Serbaguna Taman Impian Ehsan, Di Atas Lot 35452, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	CIDB G4	B 04 & CE 21	BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, MPKJ	RM 300.00

LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN
Tempat dan Tarikh Melapor Diri Bagi Lawatan Tapak :

Mini Teater Cempaka Telur,
Tingkat 6, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 09 Disember 2014 Jam : 8.30 pagi

- Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai **09 Disember 2014** pada waktu pejabat di Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Menara MPKj, Majlis Perbandaran Kajang, Jalan Cempaka Putih Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
- Dokumen Tender akan dijual mulai dari **09 Disember 2014** hingga **30 Disember 2014** pada waktu pejabat. Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.
- Petender yang berminat adalah DIWAJIBKAN untuk menyertai lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti mana yang telah ditetapkan. Petender juga DIWAJIBKAN mendaftarkan diri pada hari lawatan tapak dan berkumpul di Bahagian Perolehan, MPKj mulai jam **8.30 pagi** hingga **9.30 pagi**. Petender hendaklah membawa bersama sijil-sijil berikut semasa pendaftaran dan pembelian dokumen dijalankan :-
 - Perakuan Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
 - Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
 - Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera.
 - Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
 * Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.
- Hanya seorang wakil sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen tender dan menghadiri lawatan tapak dengan membawa surat perwakilan kuasa. Petender yang menghadiri lawatan tapak sahaja DIBENARKAN membeli dokumen tender yang dikeluarkan.
- Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Draf Bank / Wang Pos / Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama Yang DiPertua.
- Tarikh tutup tender ini ialah pada **30 Disember 2014** bersamaan hari Isnin jam **12.00 tengah hari**.
- Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda kenyataan tawaran di sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat seperti berikut :

**Bahagian Bekalan & Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
Tingkat 6A, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.**
- Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.



Pabila Konkrit Berpuisi

Di pelantar senja
Buruh konkrit muda itu
Melontarkan besi kata-kata padaku;

Pak

Kantungku terkopak
Hulurkan aku sebatang rokok
Biar kuketuk-ketuk kudratku
Gampang aku tegakkan sebatang konkrit besi
Di perut kota metropolis yang kelaparan.

Pak

Lontarkan aku sebilah mancis
Biarkan aku nyalakan api kudrat dalam diriku
Lewat sebatang rokok yang tinggal puntung
Gampang aku tegakkan konkrit angkuh
Di dada kota yang kehausan.

Pak

Kalau ada senja lagi esok
Kau lontarkan saja sekotak rokok
Biar aku susun menjadi sebuah kota
Para gelandangan

Baharuddin Sairi
Sungai Nibong Sekinchan
28.10.2014

OLEH MELATI RAHIM

Pementasan Kalung Oh Kalung bermula dengan kisah seorang lelaki bernama Amin yang membanting tulang bekerja sebagai seorang penjual surat khabar.

Namun, saban hari pelanggannya berkurangan akibat arus pemodenan media yang menyaksikan jualan akhbar terpaksa bersaing dengan media elektronik

Kehidupannya dihantui hutang piutang, manakala isterinya, Akila pula digambarkan sebagai seorang yang kuat merungut.

Akila, seorang suri rumah yang memberi tekanan kepada Amin tentang kehidupan mereka, mengungkit kisah silam ketika percintaan sebelum bernikah.

Amin pula - bagi melepaskan diri daripada bebanan hutang, mendesak Akila memberikannya kalung pusaka tetapi isterinya berkeras tidak mahu.

Apatah lagi, Akila percaya kepada kisah pantang larang yang kononnya keluarga pemilik kalung mereka akan ditimpa musibah jika menjualnya.

Malah, Akila cuba meyakinkan Amin tentang kepercayaan dengan memberi con-

Teater Kalung Oh Kalung yang dibawa Rumah Anak Teater itu nyata mengangakat isu konflik rumah tangga, masalah tabu dan kehidupan yang dipengaruhi peredaran zaman

toh peristiwa musibah apabila kalung itu hilang tetapi Amin menganggap cerita itu sebagai tahyul.

Kemuncaknya, kalung itu benar-benar hilang. Akila menuduh Amin mencurinya, manakala Amin menuduh Akila mencari alasan untuk tidak menyerahkan kalung kepadanya.

Dalam perbalahan itu, Akila diserang sakit jantung - seolah-olah mengesahkan kehilangan kalung itu membawa petaka kepada pemiliknya.

Sebenarnya, Akila sudah lama mengidap sakit itu akibat

tekanan kehidupan - langsung tiada kena mengena dengan pantang larang itu.

Malah, ramai tidak sedar, kehilangan itu terjadi selepas adik Akila - Kiki - yang menumpang rumah mereka, mahu menginap di tempat lain, tetapi ia tidak pernah menjadi perdebatan suami isteri itu.

Teater Kalung Oh Kalung yang dibawa Rumah Anak Teater itu nyata mengangakat isu konflik rumah tangga, masalah tabu dan kehidupan yang dipengaruhi peredaran zaman

Berdasarkan pemerhatian, pelakon yang memegang watak Amin ada masalah lontaran suara. Setiap kali muzik dimainkan, suaranya seakan-akan tenggelam.

Ini menyukarkan penonton sukar untuk memahami bait kata-katanya ketika memberi tumpuan penuh kepada pementasan itu.

Ia berlawanan pula dengan pelakon utama wanita, Akila yang lontaran suara yang jelas, malah lakonannya hidup.

Pengakhiran teater itu juga di luar jangkaan - konflik bertemu konflik. Yang disangka penyelesaian masalah itu juga sebenarnya sebuah konflik - realiti kehidupan di Malaysia.

OLEH ALINA ABDULLAH

“Apabila buku-buku dibakar oleh mereka, merekalah jua yang akhirnya akan membakar manusia.”

Ketika Heinrich Heine menulis petikan skrip ini untuk drama pentasnya ini, aku kira hatinya pasti remuk redam. Entah kenapa, telahan aku itu seperti gulagula kapas yang dimakan gadis kecil, mencair tanpa belum sempat dihadap.

Jalan Belle Vue yang menghampar pada ketika itu sunyi dan lengang. Mungkin ramai yang sudah pulang bercuti Krismas, atau sibuk menghitung nasib pada Santa Klaus yang tidak mungkin menjelma.

Angin Disember sedikit kuat, dan tentunya cuaca seperti biasa, dinginnya menusuk tulang.

Jam baru pukul empat petang, tapi hari sudah gelap. Kebiasaannya pada musim dingin, malamnya agak panjang dan siang punya waktu yang singkat. Matahari yang muncul terik sekali-sekala pada waktu siang adalah rahmat Tuhan bagi mereka yang punya musim dingin di sini. Ah, barangkali juga kedinginan itu suatu belas ihsan-Nya.

Aku dan Jane sedang bersejua untuk melintas jalan yang serba sunyi itu. Tiada kelibat sebarang makhluk Tuhan. Tempat yang ingin kami tuju selang dua blok bangunan sahaja. Terasa kami seperti adik beradik Finch yang mengintai Boo Radley di sebelah rumah, tapi ini kali tanpa prasangka.

Aku masih ingat lagi sebulan lepas ketika Jane datang mengetuk pintu. Ketika itu aku sedang menyisip koko panas, yang sekali sekali kubancuh bagi mengganti kopi.

Pabila kubuka pintu, Jane terus meluru melepasi aku sambil berkata, kemanusiaan sudah hilang! Diulanginya dua kali. Selepas menceritakan segalanya, dan berkali-kali memujukku untuk menyertainya, maka, di sebalik semak rimbun inilah kami berada kini.

Kau cuba lihat di sana, orang dah ramai. Polis pun sudah penuh, Jane cuit aku dan menunjuk ke arah selekoh jalan yang melepasi dua blok bangunan di hadapan.

Sebelum menjengah ke kisah lanjutnya, mari aku cerita-



kan dahulu tentang perempuan jelita yang dibunuh pada suatu zaman dahulu, zaman yang tidak mungkin terjangkau dek akal. Perempuan jelita itu pasti kau kenal, perempuan yang berani aku katakan, yang pertama mengajar ilmu matematik. Dosa beliau apa, pada jelitanya atau pada pintarnya? Sekalipun kedua-duanya, tetap tidak masuk akal, bukan?

Ketamadunan runtuh atas dosa itu, biarpun selepasnya, pemerintah - pemerintah dari timur ini menebus dosa mereka dengan membina empayar baru. Tetapi kemusnahan sudah dalam kalendar takdir. Dan tidak perlu diulang bahawa, tanah yang sama juga dijarah dengan manusia bodoh - menurut apa yang dikata Chomsky.

Serentak selepas itu juga, sebuah pustaka agung dibakar pemerintah negara antah berantah itu. Gila apa juga itu? Gila kerasukan manusia pemerintah yang takut akan kebenaran hatta kebebasan akal yang mahu berfikir. Itulah gila pada zaman yang serba ketidaktahuan.

Jane menolak aku ke depan. Aku tersadong pada seketul objek di jalanan. Kukutip. Sebuah buku yang punya gambar depan potret wanita berbaju hitam. Sudah lusuh dan helaian-helaianya carik.

Aku teringat, pernah seorang teman yang gemar berkasut biru dan berbaju putih menghadiahi aku buku ini. Katanya puisi-puisi di dalam buku ini dibacanya ulang kali, terus dihafal, dan kufikir mungkin kerana kisah hidup penyajak wanita ini amat hampir dengan dirinya.

Selalu juga dia menurut pada petikan sajak-sajak daripada penyajak agung ini, sambil matanya sayu menatap langit.

“Harapan adalah kata yang punya sayap, letaknya di jiwa, dan menyanyikan melodi tanpa kata, sesaat pun tidak pernah berhenti...”

Bunyi letupan kecil mengejutkan khayalku. Jane maju ke hadapan, dan menyuruh aku tunggu. Beberapa detik kemudian dia kembali. Katanya, belum ada apa-apa yang berlaku.

Sebuah lori sedang parkir di selekoh jalan, dan beberapa pemuda berjalan tempang, memakai penutup mulut, sedang memunggang guni-guni dari dalam lori ke tengah-tengah dataran bertar, di sebelah bangunan yang kami kini berada.

Beratus tahun selepas perempuan jelita yang kuceritakan tadi

itu dibunuh, dan gedung buku dibakar, tentera yang dikatakan bermata sepet, menyerang Baghdad dan membakar Baitul Hikmah.

Alirnya sungai Tigris tidak lagi kebiruan, tetapi penuh hitam berbulan lamanya, kerana linangan dakwat pena dari buku-buku ini. Regresi dan opresi tidak kenal ilmu dan buku. Apatah lagi merata-rata sebuah negara.

Ketamadunan runtuh atas dosa itu, biarpun selepasnya, pemerintah-pemerintah dari timur ini menebus dosa mereka dengan membina empayar baru. Tetapi kemusnahan sudah dalam kalendar takdir. Dan tidak perlu diulang bahawa, tanah yang sama juga dijarah dengan manusia bodoh-menurut apa yang dikata Chomsky.

Itu cerita yang kudengar daripada Jane, teman sebilikku pada tahun pertama, pelajar undang-undang berbangsa hispanik, yang berulang kali memperingatkan aku tentang dirinya yang radikal dan berprinsip. Berulang kali juga itulah aku yang pula ingatkan dirinya yang terikat dengan peraturan kampus, walau berkali juga tidak diendahnya. Selalu juga aku berkata padanya, suaranya yang lantang itu amat tidak menyenangkan bagi rakan-rakan yang lain.

“Mereka berhak berkata begitu, dan pendapat mereka itu berhak dihormati. Tetapi sebelum

aku tinggal dalam masyarakat ini, aku harus lebih dahulu tinggal bersama-sama diriku. Satu-satunya perkara yang tidak perlu patuh pada hukum majoriti adalah kesedaran individu,” jawab Jane, apabila sudah bosan dengan leteranku. Malas juga aku balas bahawa aku tahu dia petik kata-kata itu daripada Aticus Finch.

Dan pada hari ini, waktu ini, tentunya dunia seakan berada dalam sejarah yang berulang ulang lakunya. Abad ke-21, manusia masih tetap bodoh dan jahil seperti yang dahulu. Masih gelap dalam ketakutan pada idea dan cerita yang selain daripada apa yang mereka percaya. Atau tidak percaya. Yalah... manusia bodoh pastinya tidak punya apa selain daripada kejahilan. Dan malam ini, pesta bakar buku sedang berlangsung. Dengan pasti, tanpa ragu.

Tiba-tiba suatu yang ajaib berlaku. Dari jauh kulihat, buku-buku yang sedang mula dibakar tadi mula terangkat ke atas. Ya, terangkat secara literal maksud aku. Dan aku pasti ini bukan sihir Copperfield moden. Orang ramai yang mula berkumpul, terdiam secara tiba-tiba. Api yang semakin marak tadi pula seakan mencair dan berdebu.

Jane yang sudah beri isyarat pada sekumpulan rakannya di seberang jalan sana untuk memulakan serangan, juga bagai dipaku pegun. Jika Sungai Tigirs hitam kerana dakwat, maka langit biru dengan cerah sinar bulan di Jalan Belle Vue pula seakan kelabu ditutupi ribuan buku yang perlahan-lahan terangkat dan membentuk awan di langit. Di tengah-tengah kesunyian itu, sayup-sayup aku terdengar seseorang melagukan solilokui, dengan iringan seruling:

Apabila regim mengarah buku / punya ilmu menggugat dibakar terbuka / dan kumpulan keldai-keldai dipaksa / mengheret pedati berisi buku ke ungunan api / seorang penulis terbuang, terbaik antara yang terbaik / membaca senarai bukubuku yang dibakar / terkejut dan marah: melihat bukunya tiada. / dia lalu ke mejanya dengan penuh gusar / dan menulis surat untuk si penguasa bodoh:

Bakarlah aku! Tulisnya dengan pena membara / bukankah tulisanku sentiasa melaporkan yang benar? / dan kamu pula membuatkan aku seperti seorang penipu! / bakarlah aku!



▲ Adun Chempaka Iskandar Samad bersalaman dengan mempelai yang diraikan pada Majlis Perkahwinan Perdana di Masjid Al Azim, Pandan Indah. Seramai 40 pasangan diraikan pada majlis tersebut



▲ Adun Bangi Shafie Ngah, menyampaikan sumbangan kepada ibu tunggal serta warga emas di Bagan Tengkorak, Tanjung Karang. Program ini adalah dengan kerjasama Pusat Khidmat DUN Sungai Burong



▲ Bertempat di Institut Taufiq Islami Klang, Jalan Kebun, Ahli Parlimen Kota Raja Dr Mariah Mahmud merasmikan program 'Charity For Nature' anjuran pelajar Unisel Shah Alam, Fakulti Komunikasi dan Media semester 5



▲ Adun Sri Muda Shuhaimi Shafiei, menanam pokok pada majlis Karnival Usahawan di Kampung Jalan Kebun. Program anjuran Persatuan Peniaga Melayu Jalan Kebun



▲ Juara bola sepak bawah 17 tahun, SMK La Salle bersama Dato' Menteri Besar Selangor, Muhamed Azmin Ali dan Pengerusi Perangsang Selangor, Raja Idris, sewaktu kejohanan Piala Dato' Mokhtar Dahari, yang ditaja Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, di Kompleks Sukan, Subang Jaya

Bumbung hentian bas flat Seksyen 7 dibaiki segera

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menjalankan kerja pembaikan bumbung hentian bas bocor berhampiran Blok 31,

Flat PKNS Seksyen 7, di sini, dalam masa terdekat.

Timbalan Pengarah Korporatnya, Shahrin Ahmad, berkata masalah terbabit dalam perhatian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu dan tindakan segera akan diambil bagi mengatasinya.

"Jabatan Kejuruteraan MBSA sudah mengarahkan kontraktor kawasan untuk menggantikan bumbung perhentian bas yang rosak dengan segera demi kesele-

APA KES?

saan pengguna," katanya kepada Selangor Kini.

Baru-baru ini Selangor Kini melaporkan bumbung hentian bas bocor berhampiran Blok 31, Flat PKNS Seksyen 7

sejak lebih dua bulan lalu menimbulkan rasa tidak selesa pengguna pengangkutan awam.

Seorang pelajar Universiti Selangor (Unisel) Farid Wahid memaklumkan, dia bersama pengguna bas awam lain akan terkena tempas air hujan kesan daripada kebocoran bumbung berkenaan.

"Diharap pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya," katanya melalui emel.



Kembalikan populariti sepak takraw - Wan Azizah

KAJANG - Penganjuran Kejohanan Sepak Takraw Piala Adun Kajang peringkat belia diharap dapat mengembalikan populariti sukan tradisi itu.

Menyifatkannya sebagai permulaan, Adun Kajang, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, berkata penganjuran sukan dan kesihatan sedemikian akan diperhebat.

"Tidak seperti dahulu, sepak takraw kini kurang diminati. Kita mahu promosi sukan tradisi di kalangan belia," katanya selepas merasmikan kejohanan itu di Kompleks Penghulu di Kampung Batu 10 di sini, 30 November lalu.

Sekurang-kurangnya 35 pasukan mengambil bahagian dalam pusingan kalah mati bagi merebut piala dan sejumlah wang tunai.

Wan Azizah juga berjanji berusaha membangunkan kemudahan sukan kerana kemudahan sukan di Kajang Utara belum dibangunkan menyebabkan penduduk ter-



Wan Azizah mencampak bola takraw kepada tekong

paksa keluar jauh untuk bersukan.

"Kita mengajak rakyat untuk sihat dan bersukan. Kita perlu

pastikan kemudahan sukan ada. Saya akan panjangkan untuk bina kemudahan di kawasan ini," katanya.

Ajak petani ke Selangor Agrofest

SHAH ALAM - Pengusaha industri pertanian disaran mengunjungi Selangor Agrofest, kata Exco Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor, Zaidy Abdul Talib.

Katanya, pameran teknologi dapat memberi idea kepada mereka bagi mengembangkan penghasilan produk sekaligus membawa pulangan lebih besar.

Katanya, petani boleh mendapat nasihat dari pakar pertanian dan penternakan melalui program yang berlangsung antara 18 hingga 21 Disember ini di Stadium Sungai Besar itu.

"Kita minta petani datang kerana mereka akan didedahkan kepada teknologi baru," katanya pada Karnival Jelajah Tani 2014 di DUN Ijok 30 November lalu.

Penganjuran Jelajah Tani 2014 itu kali keempat selepas pertama kali di DUN Tanjung Sepat 16 November lalu.

Pada program itu, Zaidy

“

Kita minta petani datang kerana mereka akan didedahkan kepada teknologi baru

ZAIDY ABDUL TALIB
Exco Permodenan
Pertanian dan Industri
Asas Tani

yang juga Adun Templer turut menyerahkan surat pengesahan pemberian bantuan enjin bot dan perahu kepada nelayan.

Ia disaksikan Adun Ijok, Dr Idris Ahmad; Pegawai Daerah Kuala Selangor, Sulaiman Abdul Rahman dan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Noraini Rosalan.

Terdahulu, Zaidy melawat kilang beras bersama Adun Sekinchan, Ng Suee Lim di DUN Sekinchan.

Banjir kilat, terburuk sejak 8 tahun

OLEH HAFIZAN TAIB

KUALA KUBU BHARU - Kejadian banjir kilat di beberapa kampung di Hulu Bernam, mengejutkan penduduk sehingga terpaksa dipindahkan di pusat pemindahan sementara di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Kampung Gesir Tengah, di sini, sejak malam kelmarin.

Hujan lebat kira-kira jam 4.30 petang itu menyebabkan air naik dengan pantas memasuki kawasan rumah penduduk hingga menyebabkan 192 orang daripada 58 keluarga ditempatkan di pusat berkenaan.

Haris Bahar, 35, berkata, kejadian banjir itu adalah yang terburuk dalam tempoh kira-kira lapan tahun lalu.

"Air naik pantas hingga membasahi kawasan dalam rumah dan sukar untuk menyelamatkan barangan keperluan yang ada. Kira-kira jam 8 malam, Jabatan Bomba dan Penyelamat arahkan kami pindah ke pusat ini," katanya ke-



Sekolah yang dibina di kawasan rendah antara yang teruk ditenggelami air

pada Selangor Kini.

Bapa dua dari Kampung Lalang itu berkata, antara barangan yang rosak adalah beberapa perkakas elektrik dan barangan dapur lain.

"Saya terkejut dengan kejadian ini tetapi berharap ia tidak lama supaya kami semua boleh cepat balik ke rumah," katanya.

Sementara itu, Mohd Alias Abdullah Sani, 58, dari Kam-

pung Gesir Tengah berkata, beliau mengalami kerugian lebih RM6,000 apabila beberapa barangan elektrik dan sebuah motosikal rosak akibat kejadian itu.



Mohd Alias



Haris Bahar

"Memang tak sangka kejadian ini berlaku dengan teruk. Barang-barang tak sempat diselamatkan.

"Setakat ini memang kejadian ini yang teruk di sini," katanya.

Bantuan segera mangsa banjir Hulu Bernam



Kanak-kanak antara mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara

KUALA KUBU BHARU - Kerajaan Negeri akan menyalurkan bantuan segera bagi meringankan bebanan semua mangsa banjir kilat di beberapa kampung di Hulu Bernam yang kini ditempatkan di Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), Kampung Gesir Tengah, di sini.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata, Kerajaan Negeri dan beberapa pihak berkuasa lain akan bekerjasama

menangani masalah yang berlaku serta melihat keperluan yang mesti diberikan untuk mereka di pusat pemindahan sementara berkenaan.

"Kita akan berusaha dan buat apa sahaja untuk membantu semua keluarga yang terabit dalam kejadian ini," katanya ketika melawat pusat pemindahan sementara itu.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Jabatan Meteorologi, keadaan hujan dijangka akan



Menteri Besar menikmati makan tengah hari bersama mangsa banjir di Kem PLKN

berlarutan seminggu lagi dan diharapkan keadaan itu tidak berpanjangan serta akan pulih kembali seperti biasa.

"Hujan yang berlaku semalam adalah di luar jangkaan dengan aliran air berlebihan. Bagaimanapun, kita berharap ia tidak lama dan bersama kita

berdoa semoga keadaan menjadi bertambah baik," katanya.

Mohamed Azmin turut menyampaikan sumbangan Kerajaan Negeri kepada semua keluarga mangsa dalam lawatan singkat itu yang turut dihadiri Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi.

Seramai 192 orang daripada 58 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara itu dan antara kampung yang terabit dalam kejadian banjir berkenaan adalah Kampung Gesir, Kampung Gesir Tengah, Kampung Lalang dan Kampung Masjid.

Sediakan peruntukan cukup selenggara peralatan tentera

KLANG - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu Kerajaan Pusat memberikan peruntukan secukupnya bagi penyeliaan dan penyelenggaraan peralatan tenteraan.

Baginda bertitah bagi menghadapi musuh mengancam negara, peralatan dan persenjataan sedia ada mesti diselenggara dengan baik dan sempurna supaya dapat digunakan pada bila-bila masa.

"Adalah amat mengecewakan jika memiliki aset yang maju dan canggih tetapi tidak boleh digunakan dan disimpan di dalam stor atau gudang kerana tidak mempunyai alat ganti disebabkan kekurangan kewangan," titah Baginda Sul-

tan yang juga Kapten Yang di-Pertua Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Baginda bertitah demikian pada majlis Santapan Diraja Kapten Yang Dipertua TLDM bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Istana Alam Shah.

Turut hadir Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali; Panglima TLDM, Tan Sri Abdul Aziz Jaafar; Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Datuk Seri Roslan Saad; Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar dan kira-kira 800 pegawai TLDM, TUDM serta PDRM.

Selain itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah turut meminta semua peringkat pasukan keselamatan negara supaya ber-

khidmat dengan penuh jujur dan ikhlas serta mengutamakan kualiti kerja yang cemerlang.

"Gejala rasuah, salah guna kuasa dan mengutamakan kepentingan peribadi hendaklah dielakkan," titah baginda.

Baginda juga memuji langkah kerajaan menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) dan meminta ia diperluaskan dari masa ke semasa.

Baginda turut menyeru rakyat supaya memberi kerjasama dan bantuan sepenuhnya kepada pasukan keselamatan agar matlamat untuk mengekalkan keamanan di negara ini dapat dilaksanakan dengan baik dan jayanya.

Pupuk persaudaraan Islam lebih erat

SHAH ALAM - Majlis Zikir Munajat Untuk Keselamatan Ummah berlangsung sederhana tetapi meriah di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Mohamed Azmin yang segar berjubah putih hadir bersama pemimpin Pondok Pesantren Al-Qodiri Jember dari Indonesia, Kiai As-Sheikh Kh Achmad Muzakki Syah.

Turut hadir Exco Kerajaan Selangor, Amiruddin Shari dan Dr Daroyah Alwi serta Setiausaha Politik Menteri Besar, Shuhaimi Shafiee.

Mohamed Azmin dalam ucapan ringkasnya berharap Majlis Zikir Munajat seperti itu dapat mengeratkan jemaah di samping memohon rahmat daripada Allah SWT.

"Mudah-mudahan dengan zikir munajat ini kita mohon kepada Allah supaya rakyat dan Negeri Selangor dapat rahmat dan perlindungan daripada Allah SWT," katanya.

Majlis Zikir Munajat dimulakan dengan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah sebelum diteruskan de-

“

Mudah-mudahan dengan zikir munajat ini kita mohon kepada Allah supaya rakyat dan Negeri Selangor dapat rahmat dan perlindungan daripada Allah SWT

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

ngan alunan selawat yang dipimpin oleh Rizuan Samsudin dari Pondok Darussolihin.

Acara disusuli alunan selawat kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad SAW yang dipimpin oleh Kiai As-Sheikh Kh Achmad Muzakki Syah.

Majlis Zikir Munajat yang dihadiri hampir 200 jemaah diakhiri dengan solat hajat.

MB: Projek Horas siap Sept 2015

PUTRAJAYA - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata Projek Hybrid off River Augmentation System (Horas) 600 yang dibangunkan Kerajaan Selangor menunjukkan perkembangan 35 peratus.

Menurutnya, projek itu penting bagi menjayakan projek Mitigrasi 2 untuk meningkatkan keupayaan mengeluarkan air terawat di loji rawatan SSP1, SSP3 dan lori rawatan Rasah.

"Projek Mitigrasi 2 tidak akan berjaya jika tidak ada bekalan air mentah mencukupi.

"Sebab itu kita mahu memastikan projek Horas 600 ini dapat disiapkan September 2015," katanya sewaktu lawatan kerja ke Loji Pembersihan Air Sungai Semenyeh.

Meskipun baru mencapai 35 peratus, Horas 600 berjaya menghasilkan 160 juta liter air mentah sehari.

Apabila siap sepenuhnya, dijangkakan sebanyak 600 juta liter air mentah sehari dapat dibekalkan kepada tiga loji rawatan berkenaan.

Dalam pada itu, Mohamed



Menteri Besar meneliti botol air meneral keluaran ABASS

Azmin turut mengucapkan tahniah kejayaan Konsortium ABASS Sdn Bhd (Abass) menjadi loji pembersihan air pertama di Malaysia memperoleh pensijilan ISO 22301:2012 untuk Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan.

Katanya, penghargaan itu membuktikan Kerajaan Selangor melalui Kumpulan

Perangsang Selangor dan Konsortium Abass mempunyai keupayaan menguruskan Industri Air Selangor.

"Ini satu permulaan baik bagi meyakinkan pengguna air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur kita mempunyai komitmen tinggi menghasilkan air bersih bagi pengguna.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
5 - 12 DISEMBER 2014							
12 - 19 SAFAR 1436H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
05 Jumaat	5:35	5:45	7:07	1:06	4:29	7:03	8:17
06 Sabtu	5:35	5:45	7:07	1:07	4:29	7:03	8:18
07 Ahad	5:36	5:46	7:08	1:07	4:30	7:04	8:18
08 Isnin	5:36	5:46	7:08	1:08	4:30	7:04	8:19
09 Selasa	5:37	5:47	7:09	1:08	4:31	7:04	8:19
10 Rabu	5:37	5:47	7:09	1:09	4:31	7:05	8:19
11 Khamis	5:37	5:47	7:10	1:09	4:32	7:05	8:20
12 Jumaat	5:38	5:48	7:10	1:10	4:32	7:06	8:20
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
05 Jumaat	5:37	5:47	7:09	1:08	4:31	7:05	8:19
06 Sabtu	5:37	5:47	7:09	1:09	4:31	7:05	8:20
07 Ahad	5:38	5:48	7:10	1:09	4:32	7:06	8:20
08 Isnin	5:38	5:48	7:10	1:10	4:32	7:06	8:20
09 Selasa	5:39	5:49	7:11	1:10	4:33	7:06	8:21
10 Rabu	5:39	5:49	7:11	1:11	4:33	7:07	8:21
11 Khamis	5:39	5:49	7:12	1:11	4:34	7:07	8:22
12 Jumaat	5:40	5:50	7:12	1:12	4:34	7:08	8:22

Realiti kehidupan dalam Kalung Oh Kalung

Konflik bertemu konflik. Yang disangka penyelesaian masalah itu juga sebenarnya sebuah konflik

MUKA 10

Sediakan peruntukan cukup selenggara peralatan tentera

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu Kerajaan Pusat memberikan peruntukan secukupnya bagi penyeliaan dan penyelenggaraan peralatan ketenteraan.

MUKA 15



CERIA...

Dato' Menteri Besar Muhamed Azmin Ali, menghulurkan sepotong kek kepada Adun Kajang, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, sempena ulang tahun kelahiran beliau yang ke-62 ketika sidang dewan ditangguhkan. Wan Azizah dilahirkan di Hospital Kandang Kerbau, Singapura, pada 3 Disember 1952 yang ketika itu masih sebahagian dari Malaysia (Tanah Melayu).



OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Keterbukaan Selangor Kini dalam menyampaikan laporan dan memaparkan berita secara telus dari pembangkang, dipuji Sulaiman Abdul Razak (BN-Permatang).

Katanya, sebagai sebuah akhbar rasmi, selayaknya Selangor Kini memainkan peranan tanpa berat sebelah kepada semua pihak kerana operasi media negeri itu dijana melalui wang rakyat.

"Penerbitan Selangor Kini guna duit rakyat, jadi wajar semua wakil rakyat dapat tempat, ruang dan peluang di dalam akhbar ini. Bukan hanya untuk Adun kerajaan (Pakatan Rakyat) sahaja.

"Satu usaha yang wajar dan dipuji, sikap terbuka ini dialu-alukan dan wajar dilakukan sejak da-

Selangor Kini amal keterbukaan kepada pembangkang

hulu," katanya kepada Selangor Kini ketika ditemui di Lobi Bangunan Annex, baru-baru ini.

Tambahnya, pendekatan seperti itu seharusnya dilakukan sejak awal penerbitan Selangor Kini dan berharap usaha positif berkenaan berpanjangan.

"Saya harap, ruang untuk Adun pembangkang tidak hanya tertumpu kepada isu kontroversi yang sensasi sahaja, sebaliknya untuk ruang kritikan dan juga isu yang membina," katanya.

Akhbar rasmi Kerajaan Negeri, Selangor Kini di bawah Pakat-

an Rakyat (PR) mengangkat nilai kebebasan media ke tahap lebih baik berbanding akhbar negeri ketika zaman pemerintahan Umno-BN yang menggunakan nama Era Jaya.

Baru-baru ini, Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali ketika sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) berkata, Selangor Kini berpegang kepada prinsip media dan profesionalisme ke wartawan apabila memaparkan berita.

"Akhbar ini diterbitkan bagi menyampaikan dasar dan pro-

gram Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pencerahan kepada rakyat.

"Berpegang kepada prinsip media dan profesionalisme ke wartawan, Selangor Kini tidak memaparkan berita satu pihak sahaja tetapi termasuk pembangkang yang selalu mengkritik Kerajaan Negeri," katanya.



PORTAL BERITA RASMI KERAJAAN NEGERI SELANGOR



<http://selangorkini.net>

UTAMA | NASIONAL | KENYATAAN MEDIA | TEMPATAN | RENCANA | LENSA



<http://tv.selangorku.com>

TERKINI | PROGRAM KERAJAAN NEGERI | LAPORAN KHAS | BONGKAR

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Percetakan Turbo (M) Sdn Bhd (140879-U), No. 8, Jalan Sekinchan 26/9, Seksyen 26, Shah Alam, Selangor. Telefon: 03-51929800 Faks: 03-51929819